

Pelancaran Laman Web Buku Memori Di Seluruh Dunia

NUNSPEET, Belanda, 8 Mac /PRNewswire-AsiaNet/ --

Satu laman web <http://www.remembermewhenimgone.org> menyediakan satu templat bagi membantu ibu bapa yang akan meninggalkan dunia ini menyediakan sebuah buku memori untuk ditinggalkan kepada anak masing-masing, telah dilancarkan.

Walaupun konsep itu sesuai untuk semua situasi di mana tempoh kematian seseorang ibu bapa akan berlaku tidak lama lagi, buku memori itu setakat ini kebanyakannya digunakan dalam projek-projek yang berkaitan dengan AIDS di mana ia lebih terbukti berjaya. Sjoera Dijkers, Pengarah "STOP AIDS NOW!", (Hentikan Segera AIDS) berkata: "Kehilangan awal seseorang ibu bapa memberi impak sepanjang hidup kepada seseorang anak. Selepas kematian ibu bapa, kanak-kanak kerap tidak mempunyai apa-apa tinggalan daripada ibu bapa untuk diingati dan memastikan memori ke atas ibu bapa mereka terus hidup. Satu buku memori boleh melapangkan sedikit kehancuran emosi akibat daripada kematian bu bapa."

Mengumpul buku memori peribadi mengenai kehidupan mereka sendiri yang mana mereka berkongsi harapan, kebimbangan dan impian, juga dapat membantu ibu bapa redha dengan kematian yang akan mereka lalui. Ia boleh memulakan perbualan di kalangan anggota keluarga mengenai kematian ibu bapa yang bakal berlaku, dan dengan itu membantu sesama anggota keluarga untuk menerima dengan tabah penyakit ibu bapa dan akibatnya.

Projek Ingatkan Saya Apabila Saya Sudah Tiada membuka akses kepada konsep buku memori kepada semua dengan menyediakan templat Buku Memori generik menerusi laman web <http://www.remembermewhenimgone.org>.

Templat itu boleh dimuat turun secara percuma dan kini boleh didapati dalam 29 bahasa. Pengedaran templat itu dibenarkan dengan syarat dokumen itu diedarkan seperti yang disediakan dan tidak boleh dikenakan caj.

Projek Ingatkan Saya Apabila Saya Sudah Tiada merupakan inisiatif bukan untuk membuat keuntungan sebaliknya ia bermatlamat untuk memberi inspirasi, motivasi dan membantu ibu bapa yang dijangka meninggal dunia sebelum anak-anak mereka dewasa, mengarang buku memori mengenai kehidupan mereka sendiri untuk anak / dan setiap anak-anak mereka.

SUMBER www.remembermewhenimgone.org

NOTA KEPADA EDITOR: Imej bahan boleh didapati untuk
kegunaan media menerusi
<http://www.remembermewhenimgone.org/press>.

HENTIKAN SEGERA AIDS (STOP AIDS NOW!) ialah program usaha sama
antara Aids Fonds, Hivos, ICCO, Memisa (Cordaid) dan Novib
(Oxfam). Misi mereka ialah : Bekerja bersama-sama ke arah
dunia tanpa AIDS,.

Maklumat lanjut mengenai STOP AIDS NOW!: boleh didapati
menerusi <http://www.stopaidsnow.nl> /

HUBUNGI : Titia Liese +31-341-260289

Marjon Jens +31-71-5190749

Juliette Reinders Folmer +31-6-5424-1642

press@remembermewhenimgone.org
kesemuannya untuk www.remembermewhenimgone.org

LAMAN WEB: <http://www.remembermewhenimgone.org>